

KERTAS 1: Tatabahasa

4. Dalam bahan di bawah ini, terdapat kesalahan-kesalahan ejaan. Kenal pasti dua kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan.

**JUALAN KEMBALI KE SEKOLAH
GEDUNG HARIAN SDN. BHD.**
16 - 23 Desember 2025, 10:00 pagi hingga 10:00 malam

Pelbagai peralatan sekolah seperti baju kemeja, seluar, beg galas, dan alat tulis dijual dengan harga yang berpatutan

Balutur akan dibagikan bagi pembelian melebihi **RM100**

Ayuh, datang beramai-ramai!




- (i) _____
- (ii) _____

5. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Sebuah daripada buku yang dibaca oleh saya semalam mengenai perjuangan seorang insan bergelar seniman.
- _____
- (ii) Sebagai seorang penternak, Pak Ismail berazam untuk memperluaskan ladang ternakan lembu susu yang sudah diusahakannya sejak lima tahun lalu.
- _____

6. Lihat gambar-gambar di bawah ini dengan telitinya. Berdasarkan gambar tersebut, tulis satu peribahasa yang sesuai.



Ingat

- Ayat pasif dengan kata ganti nama diri pertama dan kata ganti nama diri kedua mesti ditulis bersebelahan dengan kata kerja pasif tanpa imbuhan awalan 'di'.
- Contoh ayat:
(a) Bola itu saya sepak.
(b) Borang itu telah kami isi.
- Imbuhan memper-...-kan, hanya untuk kata nama dan kata kerja. Contoh: mempersembahkan, mempermalukan
- Imbuhan memper- pula untuk kata adjektif sahaja. Contoh: memperbesar, memperluas, memperindah